



BERITA IT

Oleh Afiq Hanif

afiq_hanif@hmetro.com.my

Pelaksanaan proses pemberian skim rebat kepada pengguna perkhidmatan prabayar telefon mudah alih yang bermula beberapa hari yang lalu berjalan dengan lancar.

Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Datuk Seri Dr Halim Shafie memaklumkan, berdasarkan kepada maklum balas dan pemantauan yang dijalankan MCMC, biarpun tiada aduan yang diterima daripada pengguna, syarikat telekomunikasi sedar terdapat segelintir penjual dan ejen yang masih belum memahami proses berkenaan.

“Bagaimanapun, keadaan ini tidak akan menghalang proses pemberian rebat memandangkan semua rebat dikreditkan oleh syarikat telekomunikasi dan bukannya penjual mahupun ejen mereka,” katanya.

Menurut Halim, semua syarikat telekomunikasi melaksanakan pemberian skim rebat seperti yang diarahkan dan memberikan kerjasama penuh dalam memastikan kelancaran pelaksanaan proses itu.

“Namun begitu, syarikat

■ SKIM REBAT PRABAYAR

MASIH ADA tidak faham

telekomunikasi perlu melipatgandakan usaha mereka untuk memaklumkan penjual dan ejen mereka berhubung mekanisme rebat agar pelanggan lebih jelas dengan situasi,” katanya.

“Pelaksanaan rebat ini adalah proses yang dilaksanakan di seluruh negara justeru kami menjangkakan akan berlakunya sedikit kesulitan di sana sini,” katanya.

Dr. Halim menambah, tempoh yang diperlukan oleh syarikat telekomunikasi untuk mengkreditkan rebat kepada pengguna adalah berbeza daripada satu syarikat dengan syarikat yang lain.

Pada pembentangan Bajet 2016 Oktober tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan skim rebat yang dimaksudkan dan bukannya pemansuhan GST untuk perkhidmatan prabayar mudah alih seperti yang didakwa oleh pihak-pihak tertentu.

“Namun begitu, syarikat telekomunikasi perlu melipatgandakan usaha mereka untuk memaklumkan penjual dan ejen mereka berhubung mekanisme rebat agar pelanggan lebih jelas dengan situasi”

DR HALIM SHAFIE

